

Air parit berubah warna bimbangkan penduduk

BATU PAHAT 21 Jan. - Penduduk Kampung Parit Haji Sidek di sini biasanya tidak begitu memandang berat dengan air parit berwarna-warni iaitu merah pada sebelah pagi, bertukar biru pada petang dan hitam pada waktu malam di sekeliling rumah mereka walaupun ia sering membawa bau busuk ketika dibawa angin.

Kedaaan air parit itu sudah sebatu dengan kehidupan mereka selama 20 tahun hasil lambakan sisa dari kilang-kilang berdekatan, kata seorang penduduk **Rabiahtonpjari Sirapul Haq**, 37.

Namun bila banjir melanda sebanyak dua kali pada 19 Disember dan 13 Januari lalu, penduduk kampung tersebut bimbang pencemaran air parit berdekatan rumah mereka akan menjejaskan kesihatan mereka.

"Ramai kanak-kanak yang gatal-gatal kulit dan berkudis sekarang," katanya kepada **Bernama** hari ini.

Ini kerana air itu melimpah masuk ke rumah mereka dan air yang

ditakuti dicemari bahan kimia itu bertukangan selama beberapa hari di dalam dan sekitar rumah mereka.


"Air parit menjadi berwarna-warni kerana terdapat kilang-kilang industri (antaranya tekstil dan getah) berdekatan kawasan ini yang melepaskan sisa kimia dan melalui kawasan ini. Warna air bertukar-tukar setiap hari," katanya.

Beliau sendiri dan keluarganya sudah hampir seminggu tidak dapat masuk ke dalam rumah kerana masih ditakungi air tercemar itu.

Ketua Kampung, **Hashim Sulaiman** ketika ditemui berkata, pihak pengurusan kampung itu sebelum ini telah beberapa kali membuat laporan kepada Jabatan Alam Sekitar dan Majlis Daerah Batu Pahat mengenai pencemaran air parit itu.

Sejak ditenggelami banjir ini, pegawai dari Pejabat Kesihatan kerap juga datang membuat pemeriksaan, katanya.

- Bernama



RABIAHTONPJARI Sirapul Haq dan suaminya, Mohd. Hafiz Abdullah serta anak mereka, Noriydia Nazurah menunjukkan air berwarna merah dan berbau busuk di hadapan rumah mereka di Kampung Parit Haji Sidek, Batu Pahat, semalam.

- Bernama